

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Thursday, 14 May, 2020 5:31 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: UUM Hantar Pulang Pelajar Ke Zon Tengah

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 29 April 2020 12:55

Kepada: UUM - All Students; UUM - All Staff

Subjek: UUM Hantar Pulang Pelajar Ke Zon Tengah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 APRIL 2020 / 6 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nurul Sahadar Che Nuh (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Abdul Halim Husain

UUM HANTAR PULANG PELAJAR KE ZON TENGAH



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menghantar pulang seramai 37 pelajar ke kampung masing-masing selepas lebih 40 hari mereka berada di dalam kampus berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.

Penghantaran pelajar pada jam 10.40 malam dari UUM itu merupakan penghantaran kedua selepas penghantaran pelajar dari zon tengah ke zon utara pada 27 April.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) UUM, Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, lebih 30 pelajar UUM yang tinggal di zon tengah dihantar pulang ke pangkuan keluarga mereka pada malam tadi.

“Sebanyak lima buah bas sahaja yang akan bergerak untuk menghantar pelajar ke destinasi masing-masing melibatkan kawasan Hulu Selangor, Gombak, Kuala Langat, Putrajaya dan Sabak Bernam.

“Selain pelajar UUM, terdapat empat pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (POLIMAS) yang turut dihantar pulang ke kampung masing-masing memandangkan UUM merupakan Ketua Zon Utara yang merancang, menyelaras dan mengurus penghantaran pulang pelajar dari zon ini,” katanya.

Tambah beliau, kali ini juga UUM menggunakan kaedah perkongsian pintar yang mana pelajar menaiki bas disediakan rakan IPT lain dari zon tengah yang tiba di utara pada pagi semalam, kemudian pelajar dari utara akan menumpang balik menaiki bas tersebut untuk pulang ke zon tengah.

Selain itu, bagi memastikan kelancaran proses penghantaran tersebut, Dr. Hendrik berkata, UUM telah melakukan semua proses yang dikehendaki pihak berkuasa seperti saringan kesihatan, semakan pihak polis dan beberapa *checklist* yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menurutnya, pihak universiti juga memastikan proses pelepasan pelajar itu sama ada sebelum, semasa dan ketika ketibaan memenuhi kriteria serta syarat-syarat ditetapkan MKN, misalnya penjarakan sosial, selain universiti juga membekalkan makanan kepada semua pelajar terlibat.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.